

Kadar dan Faktor Perceraian di Sabah

Abdul Kadir Haji Muhammad

Abstract

Divorce rate in Sabah is improving but still retains 15% of the annual marriage. Misunderstanding between the couple is thought to be the main roots of the problem which itself suggests the necessity of a well organised and efficient marriage counselling unit. Marriage court must be able to make a concrete effort to settle any marriage dispute within a short period.

Pendahuluan

Sebelum tahun 1963, Sabah terletak di bawah pemerintahan kerajaan British. Melalui pembentukan Malaysia pada 16 September 1963, ia bersama Sarawak telah diberi kemerdekaan. Mengikut banci tahun 1980, umat Islam di Sabah berjumlah lebih kurang 487,627 orang.

Segala urusan mengenai agama Islam di Sabah¹ ditadbirkan melalui Undang-undang Pentadbiran Islam Sabah 1977. Ini termasuklah urusan mengenai pentadbiran

perkahwinan dan perceraian orang-orang Islam. Tidak sepertimana di negeri-negeri lain di Malaysia Undang-undang 1977 ini belum lagi memperuntukkan perceraian melalui mahkamah. Ini bererti perceraian di luar mahkamah bukan merupakan satu kesalahan. Apa yang perlu hanyalah apabila berlaku perceraian ia hendaklah didaftarkan dalam tempoh tujuh hari.²

Walaupun dalam undang-undang tersebut belum diperuntukkan perceraian melalui mahkamah tetapi Unit Nikah Cerai dan Rujuk telah memainkan peranan untuk membendung berlakunya perceraian di Sabah. Sedikit sebanyak unit tersebut telah memberi kesan dalam mengawal perceraian di negeri tersebut. Demikian dinyatakan oleh Haji Abdul Ghani Musa, Ketua Unit Nikah Cerai.³

Kadar Perceraian

Bagaimanapun kadar perceraian di Sabah masih lagi tinggi iaitu berada di sekitar 15 hingga 21%. Ini dapat dilihat dari jadual di bawah:

Jadual 1

Kadar Perceraian di Seluruh Sabah dari Tahun 1985-1991

Tahun	Nikah	Bilangan	Cerai Peratus
1985	4,566	993	21.7
1986	4,030	851	21.1
1987	7,338	1,347	18.4
1988	8,145	1,360	16.7
1989	6,632	1,160	17.5
1990	7,956	1,222	15.4
1991	7,198	1,086	15.7

(Sumber: Sistem Maklumat Islam Sabah)

Dari data-data di atas, jelas kadar perceraian di Sabah masih tinggi tetapi bertambah baik dari semasa ke semasa. Daripada 21.7% pada tahun 1985 kadar tersebut telah menurun ke tahap yang paling rendah pada tahun 1991 iaitu lebih sedikit 15%.

Kadar di atas adalah sebelum diambil kira perujukan yang berlaku. Dengan mengambil kira faktor perujukan kadar berkenaan menjadi lebih rendah. Ini dapat dilihat dari data-data di bawah:

Jadual 2

*Kadar Perceraian Selepas Berlaku Perujukan
di Seluruh Sabah dari Tahun 1985-1991*

Tahun	Cerai	Rujuk	Per. Yang Masih Kekal	
			Bilangan	Peratus
1985	933	92	901	19.7
1986	851	81	770	19.1
1987	1,347	115	1,232	16.8
1988	1,360	124	1,236	15.2
1989	1,160	115	1,045	15.8
1990	7,956	1,222	1,109	14
1991	7,198	1,086	994	13.8

(Sumber: Sistem Maklumat Islam Sabah)

Kadar Perceraian Mengikut Daerah

Secara amnya dari 23 daerah di Sabah, Kota Kinabalu mencatat peratus perceraian tertinggi. Pada tahun 1990 sebanyak 27.6% perceraian berlaku di daerah tersebut dan 22.4% pada tahun 1991. Bagi daerah-daerah lain perceraian berlaku di bawah paras dua puluh peratus kecuali bagi daerah Sipitang di mana kadar perceraian pada tahun 1991 berada pada paras 47.5%, walaupun pada tahun sebelumnya hanya 7.2% sahaja. Kedudukan ini dapat dilihat dalam jadual berikut:

Jadual 3

*Kadar Perceraian Bagi Seluruh Daerah-daerah
di Sabah dari Tahun 1990-1991*

Daerah	1990			1991		
	Kahwin	Cerai	%	Kahwin	Cerai	%
Beaufort	331	20	6	290	15	5.2
Beluran	281	35	12.5	315	35	11
Keningau	238	44	18.4	234	27	11.5
Kinabatangan	352	16	4.5	64	5	7.8
Kota Belud	224	31	13.8	261	44	16.8
K. Kinabalu	1,057	292	27.6	1,332	298	22.4
K. Marudu	110	19	17.3	108	20	18.5
Kuala Penyu	96	9	9.4	97	5	5
Kudat	189	30	16.9	184	30	16.3

Daerah	1990			1991		
	Kahwin	Cerai	%	Kahwin	Cerai	%
Kunak	244	44	18	270	40	14.8
Lahad Datu	553	46	8.3	000	00	00
Nabawan	35	1	2.9	50	2	4
Papar	282	25	8.9	380	25	6.6
Pitas	47	6	12.8	78	10	12.9
Ranau	280	28	10	349	28	8
Sandakan	1,303	200	15.3	1,397	177	12.7
Semporna	825	107	13			
Sipitang	69	5	7.2	229	109	47.5
Tambunan	23	2	8.7	22	2	9
Tawau	1,020	209	20	1,278	201	15.8
Tenom	84	11	13	0	0	0
Tuaran	151	26	17	0	0	0
Penampang	162	16	9.8	184	4	2

(Sumber: Sistem Maklumat Islam Sabah)

Dari data tersebut Kota Kinabalu mencatat kadar perceraian yang agak tinggi sementara Sipitang pula pada tahun 1991 mencatat angka hampir separuh dari jumlah perkahwinan pada tahun itu. Bagi daerah-daerah lain kadar perceraian berada di bawah paras dua puluh peratus. Malah bagi setengah-setengah daerah kadarnya lebih rendah lagi. Misalnya di Nabawan pada tahun 1990 kadar perceraian hanya 1% sahaja dan 2% pada tahun 1990 dan 1991. Demikian juga dengan Kinabatangan di mana kadar perceraianya antara 4 dan 5% bagi tahun 1990 dan 1991. Kadar ini sangat membanggakan.

Faktor Perceraian

Ada berbagai-bagai faktor yang membawa keruntuhan sesebuah rumahtangga. Antaranya, tidak wujud persefahaman antara suami isteri, isteri nusyuz, cemburu, tidak memberi nafkah, suami tidak bertanggungjawab, suami sengaja meninggalkan isteri, suami memukul isteri, poligami, suami curang dan sebagainya.

Dari berbagai punca perceraian, tidak bersefahaman merupakan punca utama berlakunya perceraian di negeri Sabah. Dari 292 kes perceraian bagi daerah Kota Kinabalu, pada tahun 1990, sebanyak 221 kes atau 75.6% adalah kerana tidak adanya persefahaman. Pada tahun 1991 dari 298 kes, 161 kes (54%) berpunca dari sebab yang sama. Demikian juga bagi daerah-daerah yang lain. Di Kota Belud dari semua 31 kes perceraian pada tahun 1990 adalah berpunca dari ketidaksefahaman. Begitu juga pada tahun 1991 kesemua 44 kes perceraian adalah dari sebab yang sama. Di Ranau, pada tahun 1990 dari 28 kes perceraian sebanyak 10 kes atau 35.7% kerana sebab tersebut. Pada tahun 1991, dari 28 kes 8 kes atau 28.5% adalah dari sebab yang

sama. Beaufort pula dari 20 kes perceraian pada tahun 1990, sebanyak 15 kes atau 75% adalah berpunca dari sebab di atas. Manakala pada tahun 1991 dari 15 kes perceraian sebanyak 9 kes atau 60% adalah berpunca dari faktor di atas.⁴

Lain-lain punca utama ialah kerana suami tidak memberi nafkah. Misalnya bagi Kota Kinabalu pada tahun 1990 sebanyak 38 kes atau 13% perceraian adalah dari sebab tersebut. Pada tahun 1991 sebanyak 6.8% atau 20 kes kerana sebab yang sama. Kunak dari 20 kes perceraian pada tahun 1990, 22.7% atau 10 kes kerana sebab tersebut. Manakala pada tahun 1991 sebanyak 25% berpunca dari sebab yang sama. Keningau dari 44 kes perceraian pada tahun 1990 sebanyak 27 kes atau 61.3% kerana sebab tersebut. Bagi tahun 1991, sebanyak 17.5% perceraian kerana sebab yang sama.⁵

Dari Jadual 3 di atas secara amnya Kota Kinabalu mencatat peratus tertinggi berlakunya perceraian. Mungkin pengaruh bandar turut memberi kesan kepada perceraian yang agak tinggi. Misalnya, di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur kadar perceraianya bagi tahun 1990-1992 berada di sekitar 18 hingga 20%. Ini adalah satu kadar yang tinggi.⁶

Kalau diteliti, fenomena ini jelas menunjukkan masalah-masalah sosial di bandar mempengaruhi kadar perceraian. Masalah-masalah sosial boleh mewujudkan keadaan salah faham dan membawa kepada perceraian.

Ini jelas peratus perceraian tertinggi di Kota Kinabalu adalah berpunca dari ketidaksefahaman. Keadaan ini menunjukkan masalah sosial yang berlaku di bandar memainkan peranan dalam mewujudkan ketidaksefahaman antara suami isteri dan seterusnya meruntuhkan rumahtangga.

Pengawalan Perceraian

Data-data Jadual 3 menunjukkan kadar perceraian orang-orang Islam di Sabah bertambah baik. Bagaimanapun ianya masih tinggi dan boleh menggugat kestabilan umat Islam. Atas asas-asas ini usaha-usaha telah diadakan bagi mengawal perceraian yang berlaku ke seminima yang mungkin.

Antara usaha-usaha itu ialah mencadangkan perceraian melalui mahkamah dengan kuatkuasa undang-undang. Peruntukan seumpama ini akan menghalang para suami menggugurkan talak sesuka hati mereka sahaja. Kadi Ahmad Lakim, Kadi Mahkamah Syariah Kota Kinabalu, menjelaskan, di bawah peruntukan yang dicadangkan itu perceraian bukan lagi suatu yang mudah.⁷ Jelas pelaksanaan perceraian melalui mahkamah adalah bermatlamat membendung perceraian di negeri tersebut.

Melalui peruntukan dalam undang-undang 1991 tersebut seseorang yang ingin bercerai terlebih dahulu dikehendaki mengisi borang permohonan perceraian.⁸ Kedua-dua pihak akan dipanggil oleh pihak mahkamah. Dengan itu pihak mahkamah boleh berusaha untuk mendamaikan pasangan terlibat, baik dengan cara penubuhan Jawatankuasa Pendamai⁹ ataupun Hakam.¹⁰ Langkah-langkah lain juga ialah melalui khidmat kaunseling yang terletak di bawah Unit Nikah Cerai Negeri Sabah.

Kesimpulan

Berdasarkan statistik perceraian, jelas kadar perceraian telah bertambah baik di negeri Sabah. Namun demikian kadar itu masih tinggi dan masih menimbulkan kesan negatif terhadap umat Islam Sabah khususnya dan seluruh umat Islam amnya.

Dengan itu eloklah kalau disegerakan penguatkuasaan rang Undang-undang Keluarga Islam Sabah 1991.¹¹ Adalah dipercayai ia dapat membantu ke arah pengurangan perceraian. Di samping itu perlu dipertingkatkan khidmat kaunseling kepada suami isteri yang bermasalah.

Walau apapun kesedaran beragama perlu ditanam secara lebih berkesan kepada seluruh umat Islam kerana ia adalah satu-satu penawar yang begitu mujarab dalam menyelesaikan berbagai masalah yang berlaku di kalangan umat manusia.

NOTA KAKI

1. Yang dimaksudkan dengan segala urusan agama Islam di sini ialah perkara agama yang diberi kuasa oleh Jadual 9, Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.
2. Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak, 1977, Sabah, Sek. 36(3).
3. *Berita Harian* (14 Mac 1991): Ruangan Sabah dan Sarawak.
4. Data Maklumat Dari SISMI Sabah.
5. *Ibid.*
6. Data maklumat, Unit Nikah Cerai Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.
7. *Daily Express*, Sabah (21.4.1989).
8. Rang Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Sabah, 1991, Sek. 47.
9. *Ibid.*
10. *Ibid.*, Sek. 48.
11. Belum dilaksanakan semasa kajian ini dibuat. 7.9.93